



**TEKS UCAPAN
YB. DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI.**

**SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN KONGSI RAYA
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI (KATS) 2019,
(PESTA KEAMAATAN, HARI GAWAI DAN HARI RAYA AIDIL FITRI)**

PADA 18 JUN 2019

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

Saudara Pengacara Majlis,

YANG BERHORMAT, TENGGU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI,
Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli;

YANG BERBAHAGIA DATUK ZURINAH PAWANTEH,
Ketua Setiausaha Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS);

YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI SUHAIMI BIN MAMAT,
Timbalan Ketua Setiausaha (Tanah dan Sumber Asli);

YANG BERUSAHA PUAN AZIZAH BINTI ARIFFIN,
Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembetungan);

YANG BERUSAHA EN BADURUNHISHAM BIN MOHD NOR,
Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan);

Yang Berbahagia Dato' Sri, Dato'-Dato' Ketua-Ketua Pengarah, Jabatan-
Jabatan serta Agensi;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Warga KATS yang dihormati sekalian.

1. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian atas penganjuran Majlis Kongsi Raya KATS 2019 yang menggabungkan Majlis Sambutan Aidilfitri dan Majlis Sambutan Hari Gawai serta Pesta Kaamatan yang pertama kali diadakan.

2. Adalah menjadi harapan saya agar majlis pada tengah hari ini akan memberi peluang kepada semua warga KATS, jabatan-jabatan di bawah KATS serta dif-dif jemputan untuk merapatkan hubungan sambil menikmati juadah yang disediakan pada hari ini. Secara tidak langsung, ia dapat mewujudkan semangat kekeluargaan dan mengukuhkan perpaduan sesama kita. Ia juga memberi kesempatan kepada kita untuk saling bermaaf-maafan dan juga mengukuhkan lagi persahabatan yang sedia terjalin. Aidilfitri adalah kesempatan terbaik untuk kita saling bermaafan seterusnya mengukuhkan kerjasama diantara individu, jabatan, dan juga agensi.

3. Sehubungan itu, adalah wajar penganjuran majlis hari raya melalui pendekatan *smart partnership* ini di antara KATS dengan Jabatan serta agensi ini disokong dan diteruskan di masa-masa hadapan demi bagi mencapai matlamatnya.

Hadirin sekalian

4. Mengenai Sambutan Hari Gawai pula, secara umumnya merujuk kepada pesta menuai **Gawai Dayak** yang disambut oleh masyarakat Iban, Bidayuh, dan Orang Ulu di Sarawak untuk meraikan tamatnya musim menuai padi. Pesta Gawai juga dikenali sebagai Gawai Dayak. Gawai Dayak merupakan hari menuai dan mula disambut secara besar-besaran semenjak 1964.

5. Manakala **Pesta Kaamatan** pula disambut oleh masyarakat Kadazan, Dusun dan Murut di Sabah. Kaamatan adalah satu elemen asas yang sangat kukuh dalam mengungkapkan perasaan muhibah pelbagai kaum di Negeri Sabah khususnya. Sambutan Kaamatan diadakan selepas aktiviti menuai padi sejak dari dulu dan kini ia diraikan secara lebih besar-besaran dan dinamakan Pesta Kaamatan.

Hadirin Sekalian

6. Saya berasa gembira kerana berkesempatan untuk berjumpa dan beramah mesra dengan Warga KATS dalam suasana perayaan Aidilfitri, Hari Gawai dan Pesta Kaamatan yang sungguh meriah.

7. Secara amnya sambutan majlis-majlis perayaan seperti ini merupakan kesempatan yang terbaik untuk mengeratkan lagi semangat perpaduan dan kekitaan serta mewujudkan perasaan kasih sayang dan muhibah. Ini turut memberikan mesej yang jelas betapa pentingnya kita saling memahami, menghormati dan menghargai kepelbagaian budaya yang bukan sahaja merupakan keunikan negara kita. Malah yang lebih penting keunikan budaya itulah yang menjadi tunjang kekuatan perpaduan, kemakmuran dan kemajuan kita selama ini, sesuai dengan Semangat Malaysia Baharu.

8. Sehubungan dengan itu, saya berharap agar kita semua dapat memanfaatkan majlis seperti ini agar semua rakyat Malaysia dapat mengenali dengan lebih dekat pelbagai perayaan, tradisi dan warisan tradisional rakyat pelbagai suku kaum dan etnik bukan sahaja di Semenanjung bahkan juga di Sabah dan Sarawak. Tambahan pula kita di KATS juga mempunyai pegawai-pegawai daripada seluruh negara termasuk dari Sabah dan Sarawak.

9. Pada hari yang ceria ini juga saya nyatakan hasrat saya untuk melihat KATS dan semua '*stakeholder*' kita bersama-sama merealisasikan Visi dan Misi kita kearah Pengurusan Air, Tanah dan Sumber Asli negara secara lestari di samping menghayati konsep Malaysia Baharu berteraskan Perlembagaan Negara dan Prinsip-Prinsip Rukun Negara. Ini amatlah penting kerana kita mempunyai satu tanggungjawab besar dalam membentuk persepsi yang baik dan positif mengenai negara kita di mata dunia.

Hadirin Sekalian

10. Sesungguhnya, tahun 2019 telah beredar dengan begitu pantas dan kini kita sudahpun melewati pertengahan tahun. Kita semua haruslah mempertingkatkan segala usaha-usaha yang sedang dijalankan memandangkan kita mempunyai baki enam bulan sahaja lagi sebelum memasuki Tahun Keramat 2020 dan seterusnya melangkah ke Rancangan Malaysia ke 12 (RMK12).

11. Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia pada 9 Mei 2019 sewaktu memberi ucapan Perutusan Perdana Setahun Malaysia Baharu telah memperkenalkan inisiatif bahru iaitu Kemakmuran Bersama yang bermaksud menjadikan Malaysia negara yang terus menerus membangun secara mampan, seiring pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif di setiap peringkat rantai nilai, kelas, kaum dan geografi.

12. Apa yang dilakukan oleh Kerajaan pada hari ini adalah untuk rakyat yang merangkumi untuk orang Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan, Murut dan Orang Asli dan etnik-etnik lain yang semua bernaung di bawah Malaysia Baharu.

13. Kita semua sebagai rakyat Malaysia haruslah bersatu padu. Kita mahu rakyat Malaysia berjaya dan menikmati kekayaan negara. Semua kita sebagai rakyat Malaysia perlu menggalas tanggungjawab ini. Seperti yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri, jika semua rakyat negara ini mengamalkan **tiga nilai hidup iaitu Rajin, Berilmu dan Beramanah, Malaysia mampu muncul kembali sebagai Harimau Asia**. Imej Malaysia akan bertukar dari sebuah negara kleptokrat kepada sebuah negara demokrasi tulen dengan kerajaan yang bersih, luhur dan berintegriti. Rakyat Malaysia di mana-mana tempat di seluruh pelusuk dunia boleh memperkenalkan dirinya dengan bangga: **Saya Rakyat Malaysia**.

Hadirin sekalian,

14. Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan baik dari KATS mahupun Jabatan dan Agensi atas sumbangan kepada kejayaan penganjuran majlis Kongsi Raya KATS pada hari ini. Sesungguhnya, inilah kelebihan kita bekerja sebagai satu pasukan. Ia boleh diterjemahkan kepada perlaksanaan tugas dan tanggungjawab kita setiap hari di kementerian serta jabatan di mana kegigihan dan keprihatinan tuan-tuan dan puan-puan telah memberikan sumbangan yang cukup bermakna dalam usaha memenuhi ekspektasi rakyat di luar sana yang kian meningkat.

15. Marilah kita terus komited dalam menjelaskan agenda penting yang perlu dilaksanakan dan menjadikan budaya kerja cemerlang di kalangan kita semua sama ada di KATS, Jabatan mahupun Agensi.

Sekian, terima kasih.